

No. 749.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
STATUT PRO-CANSELOR 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], Canselor membuat statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Pro-Canselor 2024.
- (2) Statut ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Tafsiran

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—
“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi pendidikan tinggi; dan
“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin.

Pelantikan dan kuasa

3. (1) Pro-Canselor hendaklah dilantik oleh Canselor atas nasihat Menteri, dan hendaklah dilantik selama tempoh yang diperkenankan oleh Canselor mengikut seksyen 11 Perlembagaan.
- (2) Tanpa menjejaskan peruntukan lain yang terdapat dalam Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, dengan kebenaran Canselor, kuasa Pro-Canselor hendaklah termasuk perkara yang berikut:
 - (a) atas kebenaran Canselor, menjalankan fungsi Canselor jika oleh sesuatu sebab Canselor tidak berupaya menjalankan mana-mana daripada fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana Statut, Kaedah atau Peraturan; dan
 - (b) melakukan segala yang perlu dan terbaik untuk perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan tugas Pro-Canselor.

Kesahan perbuatan Pro-Canselor yang menjalankan tugas berkenaan sebelum kuat kuasa Statut

4. Tiada apa-apa keputusan, perbuatan atau peninggalan oleh Pro-Canselor yang menjalankan tugas yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971
CONSTITUTION OF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
PRO-CHANCELLOR STATUTE 2024

In exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], the Chancellor makes the following statute:

Citation and commencement

1. (1) This Statute may be cited as the Pro-Chancellor Statute 2024.
- (2) This Statute is deemed to have come into operation on 1 January 2024.

Interpretation

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—
“Minister” means the Minister charged with the responsibility for higher education; and
“Constitution” means the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin.

Appointment and power

3. (1) The Pro-Chancellor shall be appointed by the Chancellor on the advice of the Minister and shall be appointed during the pleasure of the Chancellor in accordance with section 11 of the Constitution.
- (2) Without prejudice to other provisions contained in the Constitution, Statute, Rules and Regulations, with the approval of the Chancellor, the powers of Pro-Chancellor shall include the following matters:
 - (a) exercising the functions of the Chancellor if, for any reason the Chancellor is unable to exercise any of his functions under this Constitution or any Statute, Rules or Regulations, with the authorization of the Chancellor; and
 - (b) doing all that is necessary and the best for matters in connection with the performance of duties of the Pro-Chancellor.

Validity of acts of Pro-Chancellor exercising the duty before the coming into operation of Statute

4. No acts or omissions by the Pro-Chancellor who exercises the duty in question before the coming into operation of this Statute shall be invalid on the ground that this Statute has not come into operation.

Made 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Chancellor
Universiti Sultan Zainal Abidin